



**MOHD. SUKKI**

# Islam galak umatnya kembara

ISLAM sangat menggalakkan umatnya untuk bermusafir dan mengembara kerana bumi memang diciptakan untuk manusia.

Pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Sukki Othman berkata, menurut Islam, mengembara atau melancong merupakan perkara yang harus.

“Pahala daripada setiap perjalanan bergantung kepada tujuan pengembaraan itu sendiri.

“Sekiranya pengembaraan itu untuk mendapatkan ilmu yang boleh dijadikan iktibar dan pengajaran, maka ia diharuskan,” ujarinya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Menurutnya, terdapat pelbagai jenis perjalanan di dalam Islam yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat.

“Perjalanan yang wajib adalah menunaikan haji dan menuntut ilmu. Perjalanan bertujuan melakukan perkara baik seperti menziarahi saudara-mara pula merupakan sunat.

“Perjalanan yang harus adalah seperti melancong untuk melihat bumi Allah SWT. Boleh pahala sebenarnya jika kita merenung kebesaran-Nya.

“Semuanya bergantung kepada niat. Jika seseorang itu pergi ke sesuatu tempat untuk berjudi, maka perjalanan berkenaan adalah haram,” ujarinya.

Mohd. Sukki berkata, manusia patut didedahkan dengan pengembaraan kerana kebanyakan ulama mengembara untuk menuntut ilmu sejak kecil.

Menceritakan pengalamannya mengembara ke negara asing, dia berkata, setiap perjalanan adalah ilmu, selain melatih diri berdikari.

“Kadang-kadang kalau melihat sesuatu budaya yang baik di tempat orang, kita boleh aplikasikan dalam kehidupan seharian. Yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan,” katanya.